

TARIKH	13 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	supplement



CEGAH PENYAKIT...Dr Mohd Haniff memeriksa bakal haji, Azira Saad.

Bakal haji jalani ujian kesihatan

BUKIT MERTAJAM: Lebih 100 bakal haji sekitar Seberang Perai Tengah (SPT) menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Bukit Mertajam (HBM), bagi memastikan mereka berada dalam keadaan sihat sepanjang pergi, balik dan ketika menunaikan ibadat berkenaan.

Pemeriksaan itu memabitkan pemeriksaan darah, menimbang berat badan, ketinggian, tekanan darah, jantung serta mengesan pelbagai penyakit termasuk kencing manis.

Pengarah HBM, Dr Teo Gim Sian berkata, pemeriksaan itu bagi membo-

lehkan mereka yang akan menunaikan haji berada dalam keadaan sihat dan jika ada penyakit, tindakan awal boleh diambil.

Menurutnya, jika ada penyakit bakal haji diminta membuat rawatan susulan di Jabatan Pesakit Luar HBM bagi memastikan mereka mendapat bantuan sewajarnya.

“Setiap bakal haji boleh melakukan pemeriksaan kesihatan menyeluruh dan kami boleh mengambil langkah perlu jika seseorang itu disahkan menghidap sebarang penyakit,” katanya.

Program pemeriksaan ke-

sihatan selama tiga hari bermula 2 Julai itu memabitkan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Lembaga Tabung Haji.

Itu diadakan berterusan terutama menjelang musim haji.

Pemeriksaan di HBM itu dilakukan dua pegawai perubatan iaitu Dr Mohd Haniff Husman dan Dr S Sujatha dengan bantuan lima jururawat.

Dr Teo berkata, pemeriksaan awal memberi peluang kepada pihaknya memantau bakal haji jika mereka mempunyai penyakit tertentu selain memberi panduan sepatutnya.